

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SELANGOR/KL/PAHANG)

TARIKH: 31 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 37

## Larangan mendaki di Pahang masih berkuatkuasa

KUANTAN - Peraturan larangan bagi aktiviti mendaki bukit, gunung dan riadah di pusat rekreasi di Pahang sepanjang musim Monsun Timur Laut ketika ini masih berkuatkuasa walaupun keadaan cuaca baik.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Penguasa Kanan Bomba 1 Ismail Abdul Ghani berkata, kawasan-kawasan rekreasi biasanya di bawah seliaan agensi yang bertanggungjawab termasuk aspek pengendalian dan keselamatannya.

Menurutnya, agensi

yang bertanggungjawab biasanya akan mendapatkan nasihat daripada agensi-agensi lain yang berkaitan sebelum membuat keputusan untuk membuka semula pusat rekreasi kepada awam.

"Secara umum Monsun Timur Laut masih belum tamat kerana biasanya ia hanya akan berakhir pada penghujung Januari.

"Kami berpandangan semua agensi masih lagi dalam keadaan siap siaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan akibat monsun ini," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas sama ada orang ramai boleh me-



ISMAIL

neruskan aktiviti riadah di hutan dan bukit seperti aktiviti pendakian dalam keadaan cuaca baik ketika ini.

Pada 20 November lalu, peraturan larangan bagi aktiviti mendaki bukit,

gunung dan riadah di pusat rekreasi di Pahang sepanjang musim Monsun Timur Laut dikuatkuasakan sehingga 20 Januari 2020 atau satu tarikh lain yang akan dimaklumkan kelak.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Sallehuddin Ishak dalam kenyataan berhubung penguatkuasaan larangan itu sebelum ini berkata, tindakan itu mengambil kira kemungkinan dan kesan buruk yang boleh berlaku.

Larangan aktiviti pendakian bukit atau gunung sama ada secara persendirian atau berkumpulan turut tertakluk melibatkan kawasan yang dikawal oleh pihak kerajaan negeri.